Manusia beruntung yang mendapat syafaatku pada hari kiamat adalah orang yang mengakui tiada yang berhak disembah selain Allah, tulus murni daripada jiwanya

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Telah ditanya: "Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling beruntung dengan syafaatmu pada hari kiamat?" Rasulullah ﷺ bersabda: "Sungguh aku telah menyangka, wahai Abu Hurairah, bahawa tiada sesiapa yang akan bertanya kepadaku tentang hadis ini sebelummu, kerana aku melihat kesungguhanmu terhadap hadis. Manusia beruntung yang mendapat syafaatku pada hari kiamat adalah orang yang mengakui tiada yang berhak disembah selain Allah, tulus murni daripada jiwanya."

[صحيح] [رواه البخاري]

Nabi ﷺ mengkhabarkan bahawa manusia beruntung yang mendapat syafaatnya pada hari Kiamat ialah orang yang mengucapkan: "Tiada yang berhak disembah selain Allah" dengan tulus murni daripada hatinya, iaitu tiada yang berhak disembah melainkan Allah, dan hendaklah ia bersih daripada syirik dan riyak.

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/3414